

KERAJAAN DIGESA JANGAN AMAL NAIK CUKAI TIAP TAHUN

14 FEB 1973
KERAJAAN hari ini

diingatkan supaya jangan mengamalkan langkah menaikkan cukai tiap tahun kerana kesannya menambahkan sara hidup rakyat.

Senator Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Dewan Negara petang ini bahawa kenaikan cukai seumpamanya akan menyukarkan rakyat miskin memikul bebannya.

Berucap semasa membahaskan anggaran belanjawan negara berjumlah \$4,642.1 juta, beliau menarik perhatian terhadap sara hidup yang bertambah sejak tiga tahun lalu.

Katanya, keadaan tersebut yang berlaku dengan pesatnya mungkin mempunyai faktor dari cukai dan akibatnya kuasa pembelian orangramai telah turun.

Beliau juga menggesa kerajaan supaya jangan merahsiakan sebarang cadangan untuk mengenakan cukai baru atau menaikkan cukai kerana akibatnya memberi kesan buruk kepada orangramai dan kerajaan sendiri.

Sebaliknya beliau berpendapat bahawa orangramai patutlah diberitahu tentang sebarang perubahan cukai yang hendak dilakukan.

Jika perlu dinaikkan cukai, Dr. Mahathir berkata tindakan itu hendaklah dijalankan secara beransur-ansur supaya tidak menyusahkan rakyat dan memberi kesan buruk kepada perniagaan.

Menurutnya dengan cara mengumumkan langkah untuk membuat perubahan dalam cukai orangramai

KUALA LUMPUR
13 FEB.

bukan saja dapat membincang di atas kesannya, bahkan tentangan mereka juga dapat menjadi panduan kepada kerajaan.

Beliau percaya dengan cara itu kalangan perniagaan yang terlibat boleh mengkaji kesan perniagaan mereka dan ini tentulah tidak memberi kesan yang buruk kepada pengguna.

Tindakan

Dr. Mahathir berpendapat, dengan orangramai mengetahui lebih dulu sebarang perubahan cukai ini juga dapat mengelakkan kerajaan dari mengambil tindakan menarik balik cukai yang telah dikenakan.

Beliau menyifatkan tindakan seumpama itu sebagai tidak memberi imej yang baik terutama kepada pentaksir cukai.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian terhadap tindakan kerajaan mengecualikan cukai impot buah-buahan, terutama limau Cina baru-baru ini.

Oleh beliau ditegaskan

bahawa tindakan mengecualikan cukai impot buah-buahan itu tidak akan berlaku jika kenaikan cukainya dijalankan secara beransur-ansur.

Beliau merasa kenaikan cukai itu tidak akan memberi kesan buruk hingga menyebabkan kerajaan menjadi tidak popular jika ia dilakukan sama seperti keputusan Britain mengenakan cukai sebanyak 22.5 peratus ke atas eksport nenas tin Malaysia ke Pasaran Ekonomi Eropah (EEC)

Katanya, walaupun cukai yang dikenakan oleh Great Britain itu boleh membunuh eksport nenas Malaysia, tetapi ia dikenakan secara beransur-ansur sebanyak 4 peratus setahun, bagi tempoh enam tahun.

Menurutnya, dengan tindakan kerajaan menaikkan cukai impot buah-buahan secara serentak itu, kesannya bukan saja dirasakan oleh pengguna, tetapi perniagaan dan kerajaan juga dalam pungutan cukai perniagaan.

Beliau berpendapat kerajaan patut memberi tempoh dalam pengenaan cukai impot buah-buahan hingga pengusaha kebun buah-buahan dapat membekalkan pengeluaran yang cukup.